

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 17 MAC 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah anggota keselamatan di bawah ESSCOM sudah dibekalkan dengan bot-bot laju berkuasa tertinggi agar dapat menjadi lebih berkesan dan digeruni.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

ESSCOM telah menerima peruntukan sebanyak RM65.8 juta bagi perolehan 92 buah bot pada tahun 2015. Tempahan bot-bot ini telah dibuat mulai Jun 2015 setelah penilaian teknikal dilakukan. Bot-bot ini telah diterima secara berperingkat mulai bulan September 2015. Selain itu, semua bot yang dibina ini juga melalui proses klasifikasi pembinaan bot oleh badan klasifikasi kapal tempatan dan luar negara bagi memastikan ia mematuhi standard keselamatan dan *hull integrity*.

Perkembangan terkini bagi perolehan 92 buah bot ini adalah:

- i. Sehingga 3 Mac 2016, sebanyak 17 buah bot telah diterima;
- ii. Sembilan (9) buah bot sedang menjalani pemasangan terakhir dan bakal diterima pertengahan bulan Mac 2016;
- iii. 42 buah bot dijangka diterima antara akhir bulan Mac hingga akhir bulan April 2016; dan
- iv. Baki akan diterima secara berperingkat selewat-lewatnya akhir bulan Ogos 2016.

Sekian. Terima kasih.